MEMBANTAH PERKATAAN DR. MOHD. ASRI ZAINUL ABIDIN (Mufti Perlis)

APA KATA MOHD. ASRI
(TENTANG IKHWANUL MUSLIMIN)

"KULIAH DI MARKAS AL-KHADIM"

SUSUNAN ASAL OLEH:

AL-USTAZ ABU FAROUQ RASUL BIN DAHRI

VERSI E-BOOK (PDF):
Oleh Brother Nawawi (dimensi83@hotmail.com)

http://bahaya-syirik.blogspot.com
http://an-nawawi.blogspot.com
http://aqidah-wa-manhaj.blogspot.com
http://fiqh-sunnah.blogspot.com

Ucapan Pengekor Ikhwanul
Muslimin Yang Celupar

Inilah teks ucapan Moha. Asri Zainal Abidin di Markas al-Khadim:

Kata Mohd. Asri Zainal Abidin:

Saya ada niat nak sebut benda setelah saya saya datang ke sini. Ada perkembangan yang tidak baik hatta di negeri Arab. Tidak ada aliran yang menamakan diri sebagai sunnah atau salaf apabila mereka mengambil pendekatan mengecam tokoh-tokoh umat Islam dengan tuduhan-tuduhan yang sebahagian besarnya tidak benar, **seperti menuduh Sayid Qutub, menuduh hatta Hasan al-Banna, siapa lagi? Menuduh al-Qaradhawi** dan menuduh tuju orang Islam di negeri kita telah dimulakan, **ada yang mengedarkan risalah dan menyebut tentang kesesatan tokoh-tokoh ini, dan tuduhan-tuduhan ini sebahagian besar adalah bohong dan tidak amanah di dalam menakelkan ilmu.** Dan saya akan jawab satu persatu dalam hal ini jika tuan-tuan tanya jawapan saya akan bagi tau apa jawapannya. **Ulama tidak maksum tetapi menuduh apa yang mereka tak buat atau menyangka buruk apa yang mereka tidak maksudkan sangat tidak boleh**.

Dalam sebuah **risalah yang ditulis oleh seorang tokoh dalam negeri ini fiqh al-muwazanah bid'ah atau sunnah.** Dalam risalah berkenaan antara dia ni sebut contohnya: **Umar at-Tilmisani, Mursyidul am Ikhwan. Mursyidul Am untuk Ikhwanul Mluslimin dalam risalah itu dikatakan Umar ni, Syeikh Umar ni dia ni, dia orang Ikhwan kaki tengok wayang dan saya datang dah diedarkan di Kuala Lumpur dah mula diedarkan disebut nama tokoh yang mana Umar Tilmasani menceritakan dia memang pegi tengok wayang, saya buka buku berkenaan, memang dapati cerita ini tapi Umar Tilmisani ini seorang engienear , dia menceritakan bagaimana zaman mudanya sebelum terlibat dengan gerakan Islam, dia kata aku tak banyak penting ni aku pegi tengok wayang kadang-kadang.** <u>Cuma pada masa tua aku nak sembahyang</u> **dia kata sehinggalah aku berjumpa dengan dakwah dan terima dakwah**. Dia tulis buku dibangkitkan cerita tu nak ceritakan kawan ni dia peribadi jahat, dan risalah ini diedarkan di atas nama kononnya inilah manhaj salaf dan manhaj ahli Sunnah wal Jamaah. Inilah sangka buruk dengan orang menuduh apa yang orang tak maksudkan dan tuduhan-tuduhan seperti ini tidak wajar. Kita disuruh untuk bersangka baik kepada kaum muslimin. Syeikh Muhibbuddin al-Khatib dalam muqadimah kepada al-Awasim minal Qawasim menyebut bahawasanya "Al-Insan Insan yatabadul ilaihi ma ya tabadul insani" Manusia itu manusia, berlaku kepadanya apa yang berlaku kepada manusia. *Kalau kita dapati seorang manusia kehidupan keseluruhannya dipenuhi dengan kebaikan, dia buat baik, dia berjuang, dia pertahankan agama Islam, kita anggaplah dia sebagai seorang baik dan soleh, ini tidak menghalang "Ya haza la yamnak an yatabadar ilaihi ahyanan ba'du hafawat" Ini tidak menghalang katanya untuk kadang kala kita berjumpa dengan dia melakukan beberapa kesilapan namun jangan apabila kita ceramah berucap di depan orang kita bangkitkan kesilapan ini secara besar-besaran dengan kita menutup sama sekali perjuangan dia untuk menegakkan kebaikan atau pun kebaikan yang telah dilakukan seperti para sahabat*. **Seperti yang dilakukan oleh syiah, dia ambik satu dua cerita sahabat, dibangkitkan dia lupa perbuatan sahabat bersama dengan Nabi *sallallahu 'alaihi wa-sallam*** dan *kita akan dapati ada orang yang memang penghidupan dipenuhi dengan kejahatan kata Muhammad Muhibbuddin kita anggap dia orang jahat, tapi ini juga tidak menghalang untuk kadang kala dia buat berapa kebaikan*. *Janganlah kita bila bercakap depan orang yang baik*, *ini kita tonjolkan sehingga bila yang jahat bagaikan kelihatan kurang baik*. *Ini pun tak betul sehingga orang salah sangka dan salah silap dalam memberi mencontohi manusia <u>dalam risalah yang diedarkan</u>.*

Di negeri Arab, saya kena sebut hal ini kerana **di Pulau Pinang benda ini diedarkan,** saya bimbang di Kuala Lumpur, ni saya datang sekurangnya saya sudah jawab di sini, **dia** *bawak bebarapa siri di Penang untuk menceritakan tentang kesesatan Sayid Qutub , Hasan al-Banna, al-Qaradhawi dan pemimpin Ikhwan untuk apa kepentingan ini?* **Mungkin kita tak boleh setuju dengan Qaradhawi atau Sayid Qutub tapi tak ada banyak faedah ceramah khas tentang kesesatan Sayid Qutub. Dan kadang-kadang kita tengok benda yang dia tidak maksudkan.**

Tuan-tuan diantara kaedah agama, sebelum saya buat contoh yang lain dengan satu kaedah yang disebut oleh para ulama dinamakan **lazimul qaul laisa qaulan** kata dia apa yang kita faham daripada yang orang itu cakap. Apa yang boleh difahami bukan dia kata, boleh difahami bukanlah cakap dia, apa yang boleh difahami, dia cakap satu orang jangan anggap cakap dia ini apa yang kita boleh faham. Saya buat satu contoh cuma di situ orang dia kata: kita ni kalau ada duit apa pun boleh buat, kita… masya Allah dia murtad, se.. murtad dia kata ada duit apa pun boleh buat, ertinya apa pun yang tuhan tak mau dia boleh buat, tanpa izin Allah Ta'ala boleh mungkin dunia pun dia boleh buat. Umar dia pun boleh, panjang murtad, murtad. Kita kata dia tak kata, awak faham daripada apa yang dia kata kan apabila kita tanya dia balik, dia kata: Ialah….. yang tuhan tak izin tak bolehlah, tapi dia kata orang ni kata: Tuan-tuan, kita apabila ada duit apa pun kita boleh buat, kita terus murtadkan, dia murtad. Ini dipanggil lazimul qaul, dia tak kata, kita faham apa yang dia kata, kita faham apa kata saya. **Haramkanlah tulisan-tulisan yang seperti ini dan ceramah-ceramah yang seperti ini yang membazirkan masa untuk mengecam Hasan al-Banna.**

Di Indonesia benda ini sudah masyhur, Syeikh kita tahulah dia pernah duduk Indonesia (sambil mengisyaratkan dengan mukanya kepada seseorang). *Kita tak mau sunnah atau aliran sunnah di Malaysia ni juga membawa perkara yang seperti ini seakan-akan menghukum.*

Dan datang jumpa dengan saya sendiri tang menentukan tulin atau pun tidak tulin sunnah, apa pandangan you terhadap Sayid Qutub? Dia alim yusibu wa yukhtikh, tetapi **dia bukan seorang mujrim bukan seorang penjenayah bukan seorang musuh Islam**.

Sebut tentang Hasan al-Banna semua cerita Hasan al-Banna sampai daripada kecik buat apa keluar. Dan sebahagian tuan-tuan sehingga kita menafsirkan mereka kata "Yujuhun yaumaizin nazirah ila rabbiha nazirah" ketika tafsir Sayid Qutub pendapat: Tak dapat lihat Allah Ta'ala di akhirat sama dengan Muktazilah, sedangkan jika tuan baca lagi ayat tu dalam ikut yang sama sambung dua tiga baris Sayid Qutub, firman Allah dia ambik yang di tengah tak ambik yang di bawah, dia ambik apa yang dia faham Sayid Qutub tak maksudkan, saya kene sebut hal ini di sini dan saya akan sebut dia, saya tak akan sebut dan saya tak mau sebut banyak kali, ada sahabat yang rakam supaya tau **benda ini kita tak pernah bersama dalam hal seperti ini**, kita bawak sunnah kemudian tiba-tiba kita sesatkan Sayid Qutub **di mana Allah, dia kata apa tak kira tang mereka ni Sayid Qutub pun sesat**.

Qaradhawi anti tauhid rububiyah dan uluhiyah ya akhi ma makna haza? Satu orang yang anti pada tauhid rububiyah uluhiyah asma dan sifat melainkan kufur…. **Cuma Qaradhawi** kata: <u>Tak ada masa zaman sekarang ini kita nak bincangkan sangat berhubung dengan perbahasan-perbahasan tentang sifat tuhan, ayat sifat, banyak sangat fokas, sedangkan yang mulhid, yang athies pun banyak kata Qaradhawi, fokaslah yang sesat dulu kata dia, bukan dia anti tauhid. Dia bercakap tentang soal keutamaan.</u>

Hadirin sekalian, apabila kita ingin menghukum seseorang dan menyatakan pada suatu perkara, tuan-tuan lihatlah dengan cara-cara yang adil, lihatlah apa yang dia kata, dan Imam az-Zahabi dalam Syiar I'lam an-Nubala sebut sesuatu perkara yang baik, saya tak akan buka kerana sesuatu tajuk yang kontroversi dan boleh beri pandangan yang baik, katanya: *Jika seseorang alim dikenali baik amalannya, dengan bijak dia, dengan soleh, dengan waraknya kita pun tidak selepas dari itu adanya kesalahannya dan kesilapannya kata dia, maka kita hendaklah mengambik faedah, kita tahu yang silap kita tak boleh ikut, yang baik jangan dilupakan, kalau tidak tak ada orang yang selamat tuan-tuan, dan para ulama tidak Syafie, tidak Abu Hanifah, tidak Ibn Bazz, tidak al-Albani kesemua mereka ada masalahnya dalam fatwa,* kalau dia ambik satu orang memang ada masalah dan bukan satu orang mesti semua yang apa dikeluarkan, satu orang syeikh diikut satu persatu tak… Islam adil, Islam menyatakan tidak ada kemaksumannya melainkan untuk kitab Allah dan sunnah Rasul *sallallahu 'alaihi wa-sallalm hatta beberapa banyak pandangan Ibn Bazz berhak kita ikut beribadah dengan pandangannya berbeza, hatta al-Albani bagi kita berpandangan berbeza***.** **Albani dan Ibn Baz berbeza dalam aurat wanita, Ibn Bazz menyatakan wajah termasuk dalam aurat al-Albani tulis kitab khas menolak benda ini Hijabul Mar'ah al-Muslimah, kesemua ini tang membantah yang menyatakan muka bukan aurat**

termasuk aurat wanita Ibn Bazz dalam solat dia kata samalah letak tangan di atas dada, al-Bani menyatakan ini bid'ah wa dhalalah lagi bila kita menilai setiak cakap ni dengan penuh adil kerana yang maksum adalah Quran dan sunnah, kalau berada kalam dengan satu orang Syeikh mana pun dia hukum Qaradhawi sampai kita nak hukum juga.

Di Penang diedarkan Qaradhawi menghalalkan hinzir, orang kalut lawan Bush kita kalut nak bantai barat, **bantai Qaradhawi bukanlah Qaradhawi ini maksum laisa bi maksum tapi adakah dia menghalalkan hinzir?** Dia kata Qaradhawi katakan, tak boleh dikatakan illah seperti ini, **awak baca salah orang baca lain awak faham lain**. Tak ada ulama yang menghalalkan hinzir tak sebut tu tapi orang awam mari dan diedarkan di masjid-masjid kesalahan-kesalahan Qaradhawi, masalahnya orang hubungi kita heh tengok geng-geng sunnah, habis semua disesatkan, dia kata dan sebab ini lama kita tak jawab benda ni, kita biar sikit-sikit tapi hari ni kita bagi tau ada pun sa…. sama ada tuan-tuan setuju atau pun tidak di sini **berlepas dari dari semua pendekatan-pendekatan seperti ini.** Kita menghormati semua para ulama, cuma kita menerangkan kesilapan-kesilapan dan kita tak pernah menyangkakan apabila kita terpulang salah di kalangan ulama dia ahli neraka, kita tak pernah kata, urusan dia serah kepada Allah Ta'ala . **Manusia ini bukan ditimbang di atas satu amalan, banyak amalan kita…. *faman sakulat mawazinuhu fa hua fi isysaturradiyah*, siapa berat amalannya dia maka dia selamat di sisi Allah Ta'ala dan kehidupannya yang diredai.**

Mungkin kita tengok beberapa kesilapan, tapi tuhan tampung dia dengan amalan dia yang baik ikhlas dan derma dia, mungkin tuhan tampung juga kemaafan kepada dia di atas istighfar memohon taubat dia kepada Allah *'Azza wa-Jalla* dan bagi kita, sangka kita, perbuatan salah urusan dia dengan Allah Ta'ala kita pohonkan.

TANYA-JAWAB:

Kesesatan Sururi, Ihya Turas pun tuan-tuan tak tahu saya sebut perkataan tu tuan-tuan tahukah, pun tak tahu, Surur ni ialah Surur bin Nayef Zainal Abidin, **dia Salaf** ada pandangan dia berbeza **bukan berbeda soal pokok cabang sahaja**. Lalu buat buku tentang kesalahan Surur, tidak ada kerja, orang Malaysia pun tak tahu. **Ihya Turas ni ialah aliran salafi Kwait.** Mereka mempunyai peranan besar dalam menyebarkan salaf ini di Kwait, cuma mereka mengambil pendekatan masuk pilihan raya buat **pati salafi** dan menang, pengaruh merekalah yang haramkan arak dalam kapal terbang, mari aliran ektremis ni yang mengaku salafi – **salafi Khawarij** - Salafi Khawarij ini dia kata**,** dia kata yakni dia terkeluar dari sunnah, orang sunnah orang sunnah tidak boleh masuk pilihan raya, mana ada dalil orang sunnah tidak boleh masuk pilihan raya, benda ni ijtihad, ini pendekatan teknikal. Ada orang sunnah kena buat al-Khadim, buat Ibn Qaiyim, ada orang sunnah dimana bina tubuh NGO ini soal teknikal. Manusia cinta tuhan tak masuk campur sudah tentukah murtad dalam agama? Tapi ahli sunnah tak hukum macam ini, ini apa yang boleh kita faham?

Sayak nak sentuh masalah Sayid Qutub sekali lagi dalam satu risalah yang dibuat dalam negeri Arab ni ada seorang tokoh terkenal dalam masalah ini kerja dia menyesatkan semua tokoh-tokoh Islam iaitu as-Syeikh Madkhali, Hadi bin Rabi' Madkhli, dia mengambil pendekatan ini Rabi' bin Hadi al-Madkhli dia mengambil pendekatan ini sebagai pendekatan yang dilakuan oleh golongan Khawarij Qutub. Umpamanya Sayid Qutub *rahimahullah*, Sayid Qutub insan boleh jadi salah tapi dia bukan penjenayah agama bukan seorang yang hidup untuk memerangi agama. Buku ditulis tebal kesesatan Sayid Qutub dan buku ini dimasukkan ke Indonesia. Indonesia …apa…Yamani apa….apa…seorang di Indonesia terjemah Kedok Qaradhawi asalnya Qaradhawi fil Mizan, Qaradhawi dalam timbangan, orang hantar kepada saya, baca buku ini kalau nak jadi sunnah. Qaradhawi meredai kaum kuffar meredai memilih kaum Kristian semua benda ini memaksa takalluf memaksa nas yang orang ini tak maksudkan kita ambil **Qaradhawi kata saya tidak melaknat semua orang Kristian, saya hanya melaknat orang Kristian yang menyerang orang Islam sahaja.** Ini pun takkan semua orang Kristian… **Nabi doakan untuk mereka supaya masuk Islam.** Qaradahwi meredai orang Kristian, siapa meredai orang Kristian yang dia orang kufur, siapa meredai orang kufur maka dia kufur, ini semuanya tuan melampaui batasan.

Dalam fi Dilalul Quran. Ketika menafsirkan dalam surah Ikhlas Sayid Qutub sebut perkataan yang tidak jelas: Innaha Ahadis Wujud laisa lahu…. (Mohd. Asri cakap tak jelas). Lalu disebabkan kesesatan Ihya at-Turas, sesat dihukum hanyalah hanya masalah teknikal Ihya at-Turas ni dia ambik tindakan dia sebutkan senarai pendirian salaf siapa yang ada prinsip ini dia salaf dan benda itu telah dipersetujui oleh Bin Bazz dan Masayikh yang telah meninggal mereka ini aliran dia cuma cuba disebarkan bermula di Johor kemudian cuba bawak ke Penang kita stop saya tak mahu dia datang ke Kuala Lumpur tapi negara kita demokrasi bukan saya tak mau dia tak boleh datang hak dialah dekmokrasi.

Adapun jika dikaitkan dengan kita no! masalahnya kenapa ustaz kena jawab orang cuba bubuh satu bakul sebab itu kita jawab dan tuan kena cuba buka laman web salafi Indonesia, memang ada aliran dia sesatkan Qaradhawi apakah satu kerja dia baca buku orang sampai apa orang yang tak maksudkan dia maksudkan hah.. ni dia ya…ya… dia kata kita tak boleh kita kena baca keseluruhan nak baca Quran fawailul li musallin, celaka bagi orang yang sembahyang, tengok di kata sembahyang celaka dia kata, bacalah sampai habis al-lazi na hum fi salatihim saahun, orang yang cuai dalam solat kemudian baca satu buku Qaradhwi buat … tersebut, baca keseluruhan buku kita jangan juge orang dengan baris ayat dia baca keseluruhan bukunya kadang orang kadang-kadang dalam dua baris ayat pun tak dapat terangkan maksud dia atau pun kesilapan faham bahasa ni dan ini sangat bahaya- dan saya sebab tu saya tak mau ini di tempat orang sunnah sebab tu saya mengambil pendekatan dijawab hal ni – kita berbeza kita prinsip sama dalam masalah ibadah pun kita tak boleh menyesatkan tokoh-tokoh orang Islam.

Ada fiqhul Muwazanah – fiqhul muwazanah tak ada dalam agama, dalam agama tidak ada fiqhul muwazanah. Muwazanah ni maksudnya tuan-tuan bila kita hukum satu orang tak baik kita sebut sama yang baik iaitu muwazanah. Dia ni teruk, tapi ada juga jasanya. Kata dia ini bid'ah kalau, kata buruk burukkan kesemuanya. Tuan-tuan tak mungkin baca Syiar I'lam an-Nuabala lil Imam az-Zahabi siapa orang yang Zahabi sebut tentang keburukannya dalam ruang baik az-Zahabi kan puji dia sekali, dan Zahabi min aimmatul salaf, pada mulanya orang kita sebut kita sebut. Nabi hormat Mut'im bin Hadi Nabi kata: Lau kana Mut'im hayyan fakalimuuni… fakalla. Fa….fa…. wah… kalamuni, jika Mut'im ini masih hidup nescaya aku bebaskan mereka, Mut'im tu musyirik Mekah tak masuk Islam.